

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai pada jam 1200, hari Jumaat, 11 Jun 2021



KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, APRIL 2021

**Perdagangan Borong & Runcit Malaysia Catat Pertumbuhan Kukuh
66.2 Peratus kepada RM111.1 bilion pada April 2021 dengan Kenderaan
Bermotor Melonjak 1,551.3 Peratus**

PUTRAJAYA, 11 JUN 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, APRIL 2021** yang memaparkan statistik nilai jualan dan indeks volum bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dalam satu kenyataan pada hari ini berkata, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan RM111.1 bilion pada April 2021, melonjak kepada 66.2 peratus tahun ke tahun. Walaupun kenaikan ini adalah yang tertinggi pernah direkodkan, ianya adalah kesan pemulihan daripada kejatuhan yang sangat besar pada April tahun lalu dimana Perintah Kawalan Pergerakan telah dikenakan untuk keseluruhan bulan dan perlu ditafsir dengan berhati-hati. Pemulihan daripada tahap yang sangat rendah pada April 2020, penyumbang terbesar bagi peningkatan ini adalah Perdagangan Runcit yang meningkat 56.4 peratus atau

RM16.0 bilion kepada RM44.3 bilion. Perdagangan Borong turut berkembang 40.5 peratus atau RM15.3 bilion kepada RM53.0 bilion. Kenderaan Bermotor juga menunjukkan tren menaik dengan peningkatan RM13.0 bilion atau 1,551.3 peratus kepada RM13.8 bilion. Sementara itu, nilai jualan bulan ke bulan menunjukkan penurunan 1.5 peratus pada April 2021. Berbanding dengan April 2019, iaitu sebelum pandemik COVID-19 berlaku, jualan Perdagangan Borong & Runcit juga menunjukkan pertumbuhan positif iaitu 5.4 peratus. Ini didorong oleh peningkatan perbelanjaan bolehguna rakyat kesan pengeluaran i-Sinar, i-Lestari dan peningkatan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah. Berdasarkan laporan LAKSANA Ke-52, sebanyak RM40.4 bilion bagi program i-Sinar telah dikreditkan sehingga 15 April 2021. Insentif pengecualian cukai jualan kenderaan juga terus memainkan peranan dalam merangsang pembelian kenderaan bermotor.

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Ketua Perangkawan memaklumkan, “Bagi Perdagangan Runcit yang merekodkan pertumbuhan 56.4 peratus, ia disumbangkan oleh jualan barangan keperluan dan juga barangan bukan keperluan terutamanya Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan dengan pertumbuhan 133.5 peratus kepada RM8.9 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Runcit Barangan Isi Rumah dengan 103.4 peratus untuk merekodkan RM5.9 bilion. Jualan Runcit Kelengkapan Informasi & Komunikasi pula tumbuh 55.8 peratus kepada RM4.7 bilion, selari dengan nilai import komputer riba yang berjumlah RM545.9 juta, tertinggi sejak Januari 2019 dengan kadar pertumbuhan tahun ke tahun 61.8 peratus. Pada tempoh yang sama, jumlah import telefon bimbit dan tablet direkodkan sebanyak RM811.9 juta, melonjak 173.4 peratus. Bagi jualan barangan keperluan, ia terus menunjukkan peningkatan iaitu Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang mencatatkan 22.0 peratus kepada RM15.7 bilion tahun ke tahun. Ini diikuti oleh Jualan Runcit Bahan Api

Kenderaan dan Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau yang naik masing-masing 138.7 peratus dan 10.0 peratus,” jelas beliau.

Mengulas lanjut mengenai subsektor Perdagangan Borong, peningkatan 40.5 peratus adalah disokong Lain-Lain Pengkhususan Jualan Borong yang melonjak 69.1 peratus kepada RM21.8 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah yang meningkat 35.8 peratus untuk mencapai RM9.9 bilion. Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan juga mengukuh 55.3 peratus untuk merekodkan RM4.3 bilion diikuti oleh Perdagangan Borong Makanan, Minuman & Tembakau yang tumbuh 9.9 peratus kepada RM10.0 bilion.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menerangkan, “Bagi subsektor Kenderaan Bermotor merekodkan pertumbuhan positif yang kukuh sebanyak 1,551.3 peratus, ia disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang melonjak 1,771.5 peratus kepada RM8.2 bilion. Ini diikuti oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dengan 2,450.4 peratus untuk merekodkan RM1.3 bilion. Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor juga tumbuh 1,033.7 peratus kepada RM2.9 bilion diikuti oleh Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor dengan pertumbuhan 1,448.7 peratus untuk mencapai RM1.5 bilion.”

Bagi perbandingan bulan ke bulan yang mencatatkan pertumbuhan negatif 1.5 peratus, ia disebabkan oleh Kenderaan Bermotor yang menguncup 7.9 peratus atau RM1.2 bilion. Perdagangan Runcit juga merekodkan pertumbuhan negatif 1.5 peratus atau penurunan RM0.4 bilion. Sebaliknya, Perdagangan Borong meningkat secara marginal 0.4 peratus atau RM0.2 bilion pada tempoh yang sama.


Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan, “Indeks jualan runcit sebarang jenis produk melalui internet yang menggambarkan aktiviti e-dagang terus merekodkan pertumbuhan dua digit 22.0 peratus tahun ke tahun. Bagi

indeks jualan runcit sebarang jenis produk melalui internet pelarasan musim, ia meningkat 6.2 peratus berbanding bulan sebelum.”


Manakala bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan 71.5 peratus tahun ke tahun. Ketua Perangkawan turut memaklumkan bahawa pertumbuhan positif ini disokong oleh Kenderaan Bermotor yang meningkat 1,687.8 peratus. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Perdagangan Borong masing-masing 63.5 peratus dan 43.0 peratus. Bagi indeks volum pelarasan musim, ia berkembang 5.1 peratus bulan ke bulan.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit,
Januari 2019 - April 2021**



**Carta 2: Indeks Jualan Runcit Sebarang Jenis Produk Melalui Internet,
Januari 2019 - April 2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

11 JUN 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, June 11, 2021



MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA,
APRIL 2021

Wholesale & Retail Trade Malaysia Records a Sturdy Growth of 66.2 per cent to RM111.1 billion in April 2021, with Motor Vehicles Increase 1,551.3 per cent

PUTRAJAYA, JUNE 11, 2021 - The Department of Statistics Malaysia today released the **PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, APRIL 2021** which presents statistics on sales value and volume index of Wholesale & Retail Trade by sub-sector.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia in a statement today said, sales value of Wholesale & Retail Trade registered RM111.1 billion in April 2021, surged to 66.2 per cent year-on-year. While this was the highest annual increase ever recorded, it reflects a recovery from the very steep fall in April last year, the first full month of Movement Control Order, therefore should be interpreted with caution. Recovering from the extremely low level of April 2020, the subsector contributed the most was Retail Trade which increased 56.4 per cent or RM16.0 billion to RM44.3 billion. Subsequently, Wholesale Trade expanded 40.5 per cent or RM15.3 billion to RM53.0 billion. Motor Vehicles also showed an

uptick trend with an increase of RM13.0 billion or 1,551.3 per cent to RM13.8 billion. Meanwhile, month-on-month sales value decreased 1.5 per cent in April 2021. Compared to April 2019, which was before the COVID-19 pandemic, sales of Wholesale & Retail Trade also showed a positive growth of 5.4 per cent. This was driven by the extra consumers disposable income due to withdrawal of i-Sinar, i-Lestari and the increase in commodity prices such as oil palm and rubber. Based on the 52nd LAKSANA report, a total of RM40.4 billion from the i-Sinar programme has been credited until April 15, 2021. Vehicle sales tax exemption incentives also continue to play a role in stimulating the purchase of motor vehicles.

Looking at the performance across sub-sectors, the Chief Statistician informed, “For Retail Trade which recorded a growth of 56.4 per cent, it contributed by both sales of essential and non-essential products mainly Retail Sale in Specialised Stores with 133.5 per cent to RM8.9 billion. This was followed by Retail Sale of Household Goods with 103.4 per cent to record RM5.9 billion. Similarly, Retail Sale of Information & Communication Equipment grew 55.8 per cent to RM4.7 billion, in line with import value of laptops amounted RM545.9 million, the highest since January 2019 with year-on-year growth rate of 61.8 per cent. Within the same period, total import of mobile phones and tablets recorded were RM811.9 million, up 173.4 per cent. For sales of essential goods, they continued to post a positive growth namely Retail Sale in Non-specialised Stores which registered 22.0 per cent to RM15.7 billion year-on-year. This was followed by Retail Sales of Automotive Fuel and Retail Sale of Food, Beverages & Tobacco which rose 138.7 per cent and 10.0 per cent respectively,” he explained.

Commenting further on Wholesale Trade sub-sector, the increase of 40.5 per cent was supported by Other Specialised Wholesale which jumped 69.1 per cent to RM21.8 billion. This was followed by Wholesale of Household Goods which

elevated 35.8 per cent to settle at RM9.9 billion. Similarly, Wholesale of Machinery, Equipment & Supplies soared 55.3 per cent to record RM4.3 billion followed by Wholesale of Food, Beverages & Tobacco which grew 9.9 per cent to RM10.0 billion.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, "For Motor Vehicles sub-sector which recorded a sturdy growth of 1,551.3 per cent in this month, it attributed to Sales of Motor Vehicles which rocketed 1,771.5 per cent to RM8.2 billion. This was followed by Sale, Maintenance & Repair of Motorcycles with 2,450.4 per cent to record RM1.3 billion. Sale of Motor Vehicles Parts & Accessories also grew 1,033.7 per cent to RM2.9 billion followed by Maintenance & Repair of Motor Vehicles with a growth of 1,448.7 per cent to reach RM1.5 billion."


For month-on-month comparison which registered a negative growth of 1.2 per cent, it due to Motor Vehicles which down 7.9 per cent or RM1.2 billion. Likewise, Retail Trade recorded a negative growth of 1.5 per cent or a decrease of RM0.4 billion. Meanwhile, Wholesale Trade rose marginally with 0.4 per cent growth or RM0.2 billion within the same period.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also went on to note that, "Index of retail sale of any kind of product over the internet, which portrays e-commerce activity continued to record a double-digit growth of 22.0 per cent year-on-year. As for seasonally adjusted index of retail sale of any kind of product over the internet, it increased 6.2 per cent as against the previous month."


In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade registered a year-on-year growth of 71.5 per cent. The Chief Statistician added that the expansion was supported by Motor Vehicles which increased 1,687.4 per cent. This was followed by Retail Trade and Wholesale Trade with 63.5 per cent and 43.0 per cent respectively. As for seasonal adjusted volume index, it expanded 5.1 per cent month-on-month.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade, January 2019 – April 2021



**Chart 2: Index of Retail Sale of Any Kind of Product Over the Internet,
January 2019 – April 2021**



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
11 JUNE 2021